

# —Malaysia—

## sedia bantu kegiatan dakwah dunia

**KUALA LUMPUR, Selasa.**— Malaysia hari ini menyatakan kesediaannya untuk membantu dari semua segi usaha-usaha memperkukuh dan menghebatkan kegiatan dakwah secara lebih berkesan di seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu membuat ikrar tersebut, memberi jaminan kerajaannya mempunyai penglibatan secara langsung terhadap tugas tersebut.

Ketika menyarankan usaha-usaha ke arah itu dilakukan mulai sekarang, beliau juga memberi jaminan bahawa Malaysia mempunyai banyak tenaga yang boleh disalurkan kepada kegiatan dakwah.

### Mengajak

Beliau berkata demikian sewaktu merasmikan Muktamar Islam Abad 15 Hijrah yang dihadiri oleh kira-kira 100 orang peserta, termasuk 70 peserta luar negeri di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Muktamar 10 hari itu akan cuba mengupas kesemua masalah dakwah yang dihadapi oleh umat Islam hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengajak para peserta muktamar supaya mencari jalan memperkukuh kepercayaan saudara-saudara baru Islam untuk mengelakkan mereka dari kembali ke agama asal mereka.

“Di Malaysia, kita melihat banyak contoh di mana sebilangan besar orang-orang yang baru memeluk agama Islam kembali mengamalkan kehidupan lama mereka.”

“Ini kerana kita mendapati sukar mendapatkan perkhidmatan orang-orang Islam yang sedia bekerja dan mengajar di kawasan-kawasan pedalaman yang masih lagi mundur, jelasnya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia